

PENGARUH MOTIVASI DAN PELUANG PEMBELAJARAN DALAM PEMUPUKAN BUDAYA BELAJAR PELAJAR



NORISAH SAMUTU
UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2012**

**PENGARUH MOTIVASI DAN PELUANG
PEMBELAJARAN DALAM PEMUPUKAN
BUDAYA BELAJAR PELAJAR**

NORISAH SAMUTU



UMS

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2012**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: PENGARUH MOTIVASI DAN PELUANG PEMBELAJARAN DALAM PEMUPUKAN BUDAYA BELAJAR PELAJAR

IJAZAH: SARJANA PENDIDIKAN

Saya, NORISAH SAMUTU, Sesi Pengajian 2009-2012, mengaku membenarkan tesis Sarjana Pendidikan ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)



SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972).



TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan).



TIDAK TERHAD

Disahkan oleh,

(Tandatangan Penulis)

(Tandatangan Pustakawan)

Alamat Tetap:

Tarikh: 21 April 2012

Dr. Sabariah Sharif
Penyelia

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

21 April 2012

NORISAH SAMUTU
PT20098010



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **NORISAH BINTI SAMUTU**

NO. PELAJAR : **PT20098010**

TAJUK : **PENGARUH MOTIVASI DAN PELUANG PEMBELAJARAN
DALAM PEMUPUKAN BUDAYA BELAJAR PELAJAR**


IJAZAH : **SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN KURIKULUM)**

TARIKH VIVA : **14 DISEMBER 2011**

DISAHKAN OLEH

1.

PENYELIA
Dr. Sabariah Sharif



Tandatangan



PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah. Segala pujian kepada ALLAH SWT yang telah melimpahkan kurnia dan kekuataan yang tiada terhingga kepada penyelidik sehingga dapat menyempurnakan penyelidikan walaupun berdepan dengan pelbagai hambatan. Rasa penuh kesyukuran dipanjatkan kepada yang maha ESA dengan nikmat kesihatan dan tenaga yang diberikan sehingga penyelidik dapat menyempurnakan penyelidikan dalam jangka masa yang telah dirancangkan. Penyelidik juga ingin menyampaikan perasaan terima kasih yang tidak terhingga kepada insan-insan yang terus memberi dorongan bagi menyempurnakan sebuah penyelidikan ini. Berkat kesabaran dan komitmen yang dipupuk akhirnya tesis ini dapat disempurnakan oleh penyelidik. Kejayaan menyempurnakan penyelidikan ini adalah hasil daripada kerjasama, bimbingan dan tunjuk ajar daripada pelbagai pihak. Penyelidik mengambil kesempatan untuk merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada Dr. Sabariah Sharif (penyelia) atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan tanpa mengira masa, tempat dan tenaga. Segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberi oleh penyelia kajian telah mampu menjana semangat, minda dan idea penyelidik sehingga berjaya menyempurnakan penulisan penyelidikan ini.

Setinggi penghargaan juga diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Mohd. Yusuf Abdullah (Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah) dan Pn. Hajjah Elina Haji Mohd. Kahar (Guru Cemerlang Bahasa Melayu) atas kesudian menyemak soal selidik bagi tujuan kesahan kandungan berdasarkan kepakaran masing-masing. Setinggi penghargaan juga diucapkan kepada pensyarah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial Prof. Madya Dr. Baharom Mohamed dan Dr. Christina Peter Ligadu atas pandangan dan komen yang diberikan sebagai nilai tambah semasa pembentangan proposal penyelidikan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan kepada Lt. Kol. Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon (Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah), Prof. Madya Datin Dr. Mariam Abdul Latif (Dekan Pascasiswazah) dan kakitangan Pusat Pengajian Pascasiswazah atas bantuan terhadap segala urusan yang berkaitan dengan kajian ini. Tidak ketinggalan juga setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Sabah, pengetua sekolah dan penolong kanan berkenaan atas kebenaran menjalankan kajian di sekolah menengah bandar di Sabah dan pelajar-pelajar yang terlibat sebagai responden kajian.

Pengkaji juga amat menghargai jasa dan titipan doa restu daripada insan teristimewa ibu bapa Haji Samutu Haji Gustaham dan Hajjah Bongliah Haji Lulok dan ibu mertua Nulkisah Makraji. Tidak lupa juga insan kebanggaan dan tersayang iaitu suami Abdul Jawi Abnoh Sawi yang sanggup berkorban apa sahaja dan adik-adik serta ahli keluarga yang memberikan sokongan moral. Akhir sekali segala pujian dan kebesaran kepada ALLAH SWT. dan segala kekurangan dan kesilapan datangnya daripada penyelidik. Semoga ALLAH SWT. membala jasa baik semua pihak yang menyumbang idea dan kerjasama dalam menyempurnakan penulisan ilmiah ini.

Norisah Samutu
12 April 2012

ABSTRAK

PENGARUH MOTIVASI DAN PELUANG PEMBELAJARAN DALAM PEMUPUKAN BUDAYA BELAJAR PELAJAR

Tumpuan kajian adalah bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh motivasi dan peluang pembelajaran terhadap budaya belajar pelajar. Teori Hirarki Keperluan Maslow (1970), Teori Pelaziman Klasik Pavlov dan Thondike (Tyler, 1997), Teori Behaviorisme dan Teori Pembelajaran Sosial (Ramlah dan Mahani, 2004), Teori Humanistik dan kognitif (Ramlah dan Mahani, 2004) Model Pembelajaran Taba (Taba, 1962), Model Pemupukan Budaya Belajar (Faridah *et al.*, 2005), Model Pola Budaya Hofstede (1991) dan model motivasi Pembelajaran (Ahmad Zabidi, 2006) digunakan sebagai platform utama dalam kajian ini. Kaedah kajian tinjauan ini melibatkan sampel dalam kalangan pelajar tingkatan empat dan enam bawah di sekolah menengah bandar di Sabah. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang dibahagikan kepada empat bahagian iaitu ciri demografi, skala budaya belajar pelajar, skala motivasi pembelajaran dan skala peluang pembelajaran. Data-data dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS for window* Versi 17. Analisis skor min, analisis univariat (*ANOVA*) dan pelbagai variat (korelasi *Pearson*, analisis regresi linear) digunakan bagi menguji hipotesis kajian pada aras signifikan $p < .05$. Keputusan ujian menunjukkan tahap motivasi ($m=3.37$), peluang pembelajaran ($m=3.24$) dan budaya belajar pelajar ($m=3.38$) berada pada tahap kurang memuaskan. Keputusan ujian juga menunjukkan terdapatnya perbezaan skor min yang signifikan dalam motivasi, peluang pembelajaran dan budaya belajar pelajar berdasarkan demografi yang telah diberi tumpuan. Keputusan ujian korelasi *Pearson* (r) juga menunjukkan terdapat korelasi positif yang signifikan antara elemen variabel terlibat dan variabel-variabel yang terlibat iaitu motivasi ($r=.291$, $p<.01$) dan peluang pembelajaran ($r=.330$, $p<.01$) dengan budaya belajar. Keputusan ujian regresi juga menunjukkan terdapatnya pengaruh variabel-variabel bebas terhadap variabel bersandar yang difokuskan. Hasil ujian analisis regresi menjelaskan motivasi ($R^2=.085$, $\beta=.291$, $p<.05$) dan peluang pembelajaran ($R^2=.109$, $\beta=.330$, $p<.05$) menyumbangkan pengaruh terhadap pemupukan budaya belajar dalam kalangan pelajar. Keputusan ujian ini menjelaskan bahawa motivasi dan peluang pembelajaran merupakan peramal yang perlu diberi perhatian kerana berupaya membentuk budaya belajar pelajar. Oleh itu perbezaan ciri demografi sampel kajian dan korelasi antara variabel kajian tidak harus dipinggirkan dalam pemupukan budaya belajar pelajar. Selain itu, kajian ini turut melihat kepentingan motivasi dan peluang pembelajaran pelajar sebagai salah satu faktor yang mampu menyumbangkan pengaruh terhadap pemupukan budaya belajar dalam kalangan pelajar di sekolah menengah bandar di Sabah. Secara amnya, dapatan kajian ini adalah konsisten dan menyokong kerangka teoritikal yang digunakan dalam kajian.

ABSTRACT

The focus of the study is to identify the influence of motivation and learning opportunities on students' learning culture. Maslow's Needs Hierarchy Theory (1970), Pavlov's and Thondike's Classical Conditioning Theory (Tyler, 1997), the Behaviorism and Social Learning Theory (Ramlah and Mahani, 2004), Humanistic and Cognitive Theories (Ramlah and Mahani, 2004), Taba Model (Taba , 1962), Fostering Cultural Learning Model (Faridah et al., 2005), Hofstede Cultural Pattern Model (1991) Motivation and Learning Model (Ahmad Zabidi, 2006) are used as the main platform in this study. This survey method involves a sample of Form Four and Lower Six secondary school students in Sabah. The instrument used was a questionnaire divided into four sections, namely demographic, the scale of student learning culture, learning motivation scale and the scale of learning opportunities. The data were analyzed using 'SPSS for Windows version 17' software. Analysis of mean score, univariate analysis (Anova) and multivariate (Pearson correlation, regression analysis) used for testing the hypothesis of a significant level of $p < .05$. The test results showed the level of motivation ($m=3.37$), opportunities for learning ($m=3.24$) and the learning culture of students ($m=3.38$) is at least satisfactory. The test results also showed that there were significant differences in mean scores in motivation, learning and cultural learning opportunities for students based on the demographic that has been given attention. The results of Pearson's correlation test (r) also showed a significant positive correlation between the elements and variables involved in any of these variables including the motivation ($r=.291$, $p<.01$) and learning opportunities ($r=.330$, $p<.01$) with the learning culture. The regression test results also showed that there was the influence of independent variables on the dependent variable that was focused on. The results of the regression analysis test explains that motivation ($R^2=.085$, $\beta=.291$, $p<.05$) and learning opportunities ($R^2=.109$, $\beta=.330$ $p<.05$) accounted for the effort of instilling the culture of learning among students. These test results make it clear that motivation and learning opportunities are predictors that should be considered as they are capable of forming learning culture in students. Therefore, differences in demographic characteristics of the sample and the correlation between the variables of the study should not be marginalized in the effort of nurturing learning culture among students. Moreover, this study also reflects on the importance of motivation and opportunity for learning as some of the factors that contribute to the effort of nurturing learning culture among students in secondary schools in Sabah. In general, these findings are consistent and support the theoretical framework used in the study.


SENARAI KANDUNGAN

| | Halaman |
|---------------------------------|---------|
| PENGAKUAN | iii |
| PENGESAHAN | iv |
| PENGHARGAAN | v |
| ABSTRAK | vi |
| ABSTRACT | vii |
| SENARAI KANDUNGAN | viii |
| SENARAI JADUAL | xii |
| SENARAI RAJAH | xv |
| SENARAI SINGKATAN | xvi |
| BAB 1 : PENDAHULUAN | 1 |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 2 |
| 1.3 Pernyataan Masalah | 11 |
| 1.4 Objektif Kajian | 18 |
| 1.5 Soalan Kajian | 18 |
| 1.6 Hipotesis Kajian | 20 |
| 1.7 Kepentingan Kajian | 21 |
| 1.8 Batasan Kajian | 24 |
| 1.9 Definisi Konsep | 26 |
| 1.9.1 Budaya | 26 |
| 1.9.2 Belajar | 27 |
| 1.9.3 Motivasi | 27 |
| 1.9.4 Peluang | 27 |
| 1.9.5 Pembelajaran | 28 |
| 1.10 Definisi Operasional | 28 |
| 1.10.1 Budaya Belajar | 28 |
| 1.10.2 Motivasi Pembelajaran | 29 |
| 1.10.3 Peluang Pembelajaran | 30 |
| 1.11 Rumusan | 30 |
| BAB 2: SOROTAN LITERATUR | 32 |
| 2.1 Pengenalan | 32 |
| 2.2 Budaya Belajar Pelajar | 32 |
| 2.2.1 Model Budaya Belajar | 35 |
| 2.2.2 Pemupukan Budaya Belajar | 47 |

| | | |
|---------------------------------|--|-----|
| 2.3 | Motivasi Pembelajaran Dalam Pemupukan Budaya Belajar | 66 |
| 2.3.1 | Teori Motivasi Pembelajaran | 68 |
| 2.3.2 | Model Motivasi Pembelajaran | 70 |
| 2.3.3 | Hubungan Motivasi Pembelajaran dengan Budaya Belajar | 73 |
| 2.3.4 | Pengaruh Motivasi Pembelajaran dengan Budaya Belajar | 99 |
| 2.4 | Peluang Pembelajaran Dalam Pemupukan Budaya Belajar | 105 |
| 2.4.1 | Teori Peluang Pembelajaran | 105 |
| 2.4.2 | Model Peluang Pembelajaran | 107 |
| 2.4.3 | Hubungan Peluang Pembelajaran dengan Budaya Belajar | 109 |
| 2.4.4 | Pengaruh Peluang Pembelajaran Terhadap Budaya Belajar | 134 |
| 2.5 | Kerangka Kajian | 142 |
| 2.6 | Variabel Kajian | 144 |
| 2.7 | Rumusan | 144 |
| BAB 3: METODOLOGI KAJIAN | | 145 |
| 3.1 | Pengenalan | 145 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 145 |
| 3.3 | Lokasi Kajian | 148 |
| 3.4 | Populasi Kajian | 149 |
| 3.5 | Sampel Kajian | 151 |
| 3.6 | Instrumen Kajian | 157 |
| 3.7 | Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian | 161 |
| 3.8 | Kajian Rintis | 164 |
| 3.9 | Tata Cara Pemerolehan dan Pengumpulan Data | 169 |
| 3.10 | Penganalisisan Data | 170 |
| 3.10.1 | Analisis Deskriptif | 171 |
| 3.10.2 | Analisis Inferens | 173 |
| 3.11 | Rumusan | 176 |
| BAB 4: DAPATAN KAJIAN | | 177 |
| 4.1 | Pengenalan | 177 |
| 4.2 | Pemerihalan Ciri Demografi Responden | 177 |
| 4.3 | Kadar Respons Responden | 178 |
| 4.4 | Analisis Data Statistik | 180 |
| 4.5 | Kebolehpercayaan Dalaman Skala Pengukuran | 181 |
| 4.6 | Analisis Faktor Skala Pengukuran | 183 |
| 4.7 | Analisis Tahap Budaya Belajar, Motivasi Pembelajaran dan Peluang Pembelajaran | 186 |
| 4.8 | Analisis Perbezaan Skor Min Motivasi Pembelajaran, Peluang Pembelajaran dan Budaya Belajar | 186 |
| 4.8.1 | Keputusan Analisis Ujian- <i>t</i> dan ANOVA Perbezaan Skor Min Motivasi Pembelajaran Berdasarkan Ciri Demografi | 187 |

| | | | |
|---------------|---|---|-----|
| | 4.8.2 | Keputusan Analisis Ujian- <i>t</i> dan ANOVA Perbezaan Skor Min Peluang Pembelajaran Berdasarkan Ciri Demografi | 190 |
| | 4.8.3 | Keputusan Analisis Ujian- <i>t</i> dan ANOVA Perbezaan Skor Min Budaya Belajar Berdasarkan Ciri Demografi | 194 |
| 4.9 | | Analisis Hubungan antara Variabel Kajian | 197 |
| | 4.9.1 | Keputusan Analisis Hubungan Motivasi Pembelajaran dan Peluang Pembelajaran dengan Budaya Belajar | 197 |
| | 4.9.2 | Keputusan Analisis Hubungan Elemen Motivasi Pembelajaran dengan Budaya Belajar | 199 |
| | 4.9.3 | Keputusan Analisis Hubungan Elemen Peluang Pembelajaran dengan Budaya Belajar | 200 |
| 4.10 | | Analisis Regresi antara Variabel Kajian | 201 |
| | 4.10.1 | Keputusan Analisis Regresi Linear Motivasi Pembelajaran dengan Budaya Belajar | 202 |
| | 4.10.2 | Keputusan Analisis Regresi Linear Peluang Pembelajaran dengan Budaya Belajar | 203 |
| 4.11 | | Ringkasan Penemuan Kajian | 204 |
| | 4.11.1 | Tahap Motivasi Pembelajaran, Peluang Pembelajaran dan Budaya Belajar | 205 |
| | 4.11.2 | Perbezaan Skor Min Motivasi Pembelajaran, Peluang Pembelajaran dan Budaya Belajar | 205 |
| | 4.11.3 | Hubungan antara Variabel Kajian | 206 |
| | 4.11.4 | Pengaruh antara Variabel Kajian | 207 |
| 4.12 | | Rumusan | 208 |
| BAB 5: | RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN | | 209 |
| 5.1 | | Pengenalan | 209 |
| 5.2 | | Tahap Budaya Belajar, Motivasi Pembelajaran dan Peluang Pembelajaran | 209 |
| 5.3 | | Perbezaan Motivasi Pembelajaran, Peluang Pembelajaran dan Budaya Belajar Berdasarkan Ciri Demografi | 211 |
| | 5.3.1 | Perbezaan Motivasi Pembelajaran Berdasarkan Ciri Demografi | 212 |
| | 5.3.2 | Perbezaan Peluang Pembelajaran Berdasarkan Ciri Demografi | 215 |
| | 5.3.3 | Perbezaan Budaya Belajar Berdasarkan Ciri Demografi | 218 |
| 5.4 | | Hubungan antara Variabel Kajian | 222 |
| | 5.4.1 | Hubungan Motivasi Pembelajaran dengan Budaya Belajar | 222 |
| | 5.4.2 | Hubungan Peluang Pembelajaran dengan Budaya Belajar | 230 |
| 5.5 | | Pengaruh antara Variabel Kajian | 238 |
| | 5.5.1 | Pengaruh Motivasi Pembelajaran Terhadap Budaya Belajar | 239 |
| | 5.5.2 | Pengaruh Peluang Pembelajaran Terhadap Budaya Belajar | 241 |

| | | |
|--------------------|------------------------------------|-----|
| 5.6 | Implikasi Kajian | 243 |
| 5.6.1 | Implikasi Terhadap Kerangka Kajian | 243 |
| 5.6.2 | Implikasi Terhadap Penyelidikan | 244 |
| 5.6.3 | Implikasi Terhadap Pengamalan | 245 |
| 5.7 | Cadangan Kajian Masa Depan | 246 |
| 5.8 | Penutup | 247 |
| BIBLIOGRAFI | | 248 |
| LAMPIRAN | | 272 |
| LAMPIRAN A | Soal Selidik | |
| LAMPIRAN B | Semakan Pakar | |
| LAMPIRAN C | Analisis Faktor Kajian Rintis | |
| LAMPIRAN D | Ujian Normaliti | |
| LAMPIRAN E | Kebolehpercayaan Pekali Alpha | |
| LAMPIRAN F | Analisis Faktor Kajian Sebenar | |
| LAMPIRAN G | Surat Kebenaran Kajian | |




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

| | Halaman | |
|-------------|--|-----|
| Jadual 3.1 | Penentuan Populasi Kajian | 150 |
| Jadual 3.2 | Jumlah Populasi Kajian | 150 |
| Jadual 3.3 | Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan | 154 |
| Jadual 3.4 | Sampel Kajian | 156 |
| Jadual 3.5 | Kandungan Soal Selidik | 159 |
| Jadual 3.6 | Permarkatan Item | 161 |
| Jadual 3.7 | Keputusan Kajian Rintis | 165 |
| Jadual 3.8 | Interprestasi Skor Min | 172 |
| Jadual 3.9 | Alat Analisis Kajian | 173 |
| Jadual 3.10 | Skala Kekuatan Hubungan | 174 |
| Jadual 3.11 | Skala Kekuatan Pengaruh | 175 |
| Jadual 3.12 | Spesifikasi Skala Pengukuran dan Kaedah Analisis Data | 176 |
| Jadual 4.1 | Bilangan Responden Mengikut Ciri Demografi ($n=371$) | 178 |
| Jadual 4.2 | Kadar Respons Responden dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat dan Enam Bawah ($n=371$) | 179 |
| Jadual 4.3 | Tahap Budaya Belajar, Motivasi Pembelajaran dan Peluang Pembelajaran Mengikut Skor Min ($n=371$) | 186 |
| Jadual 4.4 | Perbezaan Skor Min Motivasi Pembelajaran Berdasarkan Jantina | 187 |
| Jadual 4.5 | Perbezaan Skor Min Motivasi Pembelajaran Berdasarkan Umur | 188 |
| Jadual 4.6 | Perbezaan Skor Min Motivasi Pembelajaran Berdasarkan Tempat Tinggal Pelajar | 189 |


| | | |
|-------------|---|-----|
| Jadual 4.7 | Perbandingan Post-Hoc Turkey HSD Terhadap Motivasi Pembelajaran Mengikut Tempat Tinggal Pelajar | 190 |
| Jadual 4.8 | Perbezaan Skor Min Peluang Pembelajaran Berdasarkan Jantina | 191 |
| Jadual 4.9 | Perbezaan Skor Min Peluang Pembelajaran Berdasarkan Umur | 192 |
| Jadual 4.10 | Perbezaan Skor Min Peluang Pembelajaran Berdasarkan Tempat Tinggal Pelajar | 192 |
| Jadual 4.11 | Perbandingan Post-Hoc Turkey HSD Terhadap Peluang Pembelajaran Mengikut Tempat Tinggal Pelajar | 193 |
| Jadual 4.12 | Perbezaan Skor Min Budaya Belajar Berdasarkan Jantina | 194 |
| Jadual 4.13 | Perbezaan Skor Min Budaya Belajar Berdasarkan Umur | 195 |
| Jadual 4.14 | Perbezaan Skor Min Budaya Belajar Berdasarkan Tempat Tinggal Pelajar | 196 |
| Jadual 4.15 | Perbandingan Post-Hoc Turkey HSD Terhadap Budaya Belajar Mengikut Tempat Tinggal Pelajar | 196 |
| Jadual 4.16 | Hubungan Motivasi Pembelajaran dan Peluang Pembelajaran dengan Budaya Belajar | 198 |
| Jadual 4.17 | Hubungan Elemen Motivasi Pembelajaran dengan Budaya Belajar | 199 |
| Jadual 4.18 | Hubungan Elemen Peluang Pembelajaran dengan Budaya Belajar | 201 |
| Jadual 4.19 | Pekali Regresi Linear Stepwise Motivasi Pembelajaran Terhadap Budaya Belajar | 203 |
| Jadual 4.20 | Pekali Regresi Linear Stepwise Peluang Pembelajaran Terhadap Budaya Belajar | 204 |
| Jadual 4.21 | Perbezaan Skor Min Motivasi Pembelajaran, Peluang Pembelajaran dan Budaya Belajar | 205 |
| Jadual 2.22 | Hubungan antara Variabel Kajian | 207 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH


| | Halaman | |
|-----------|--|-----|
| Rajah 2.1 | Model Pola Budaya Hofstede (1991) | 36 |
| Rajah 2.2 | Model Pembelajaran Taba | 38 |
| Rajah 2.3 | Model Faktor Mempengaruhi Budaya Belajar | 40 |
| Rajah 2.4 | Model Motivasi Pembelajaran | 71 |
| Rajah 2.5 | Model Peluang Pembelajaran | 108 |
| Rajah 2.6 | Model Kerangka Kajian | 142 |
| Rajah 3.1 | Fasa Kaedah Pensampelan | 157 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|--------------|---|--|
| <i>ANOVA</i> | - | <i>Analisis Varians</i> |
| <i>BE</i> | - | <i>Beyond Excellence</i> |
| Bil. | - | Bilangan |
| BPPDP | - | Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan |
| HEM | - | Hal Ehwal Murid |
| <i>HSD</i> | - | <i>Post-Hoc Tukey Honestly</i> |
| <i>IFI</i> | - | <i>Incremental Fix Index</i> |
| <i>ICT</i> | - | <i>Information Comunication Technology</i> |
| IPTA | - | Institusi Pengajian Tinggi Awam |
| JNS | - | Jemaah Nazir Sekolah |
| JPNS | - | Jabatan Pelajaran Negeri Sabah |
| JPNS | - | Jabatan Pelajaran Negeri Selangor |
| JPT | - | Jabatan Pengajian Tinggi |
| KBSR | - | Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah |
| KBSM | - | Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah |
| KPM | - | Kementerian Pelajaran Malaysia |
| NGO | - | Pertubuhan Bukan Kerajaan |
| PIBG | - | Persatuan Ibu Bapa dan Guru |
| PIPP | - | Pelan Induk Pembangunan Pendidikan |
| PPD | - | Pegawai Pelajaran Daerah |
| SBP | - | Sekolah Berasrama Penuh |
| SM | - | Sekolah Menengah |
| SPI | - | Surat Pekeliling Ikhtisas |
| <i>SPSS</i> | - | <i>Statistical Package For Social Science</i> |
| SPM | - | Sijil Pelajaran Malaysia |
| SRJK | - | Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan |



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Cabaran yang dihadapi dalam bidang pendidikan sekitar tahun 2000 jauh lebih rumit berbanding sebelumnya kerana harapan masyarakat terhadap pendidikan pelajar menjadi semakin kompleks. Cabaran tersebut perlu ditangani melalui pengurusan pendidikan yang menggerakkan amalan budaya belajar dalam kalangan pelajar dengan membuat perubahan dari segi sikap, nilai dan prestasi pembelajaran pelajar di sekolah (Abdul Ghani dan Tang, 2006). Kebanyakan pelajar begitu leka dalam pembelajarannya dan kurang berminat terhadap pelajaran. Perkara ini selalunya dikaitkan dengan budaya belajar yang rendah dalam kalangan pelajar. Isu ini perlu dibahaskan dan diberi perhatian secara serius oleh semua pihak bagi mencari formulasi yang sesuai untuk memupuk budaya belajar dalam kalangan pelajar.

Senario pendidikan sekitar tahun 2000 juga amat memerlukan guru menjadi kreatif dan inovatif supaya dapat memupuk minat dan motivasi dalam memupuk budaya belajar dalam kalangan pelajar. Fenomena ini memerlukan guru mempunyai daya kreativiti yang tinggi dalam metod pengajaran mereka untuk mencorakkan perkembangan minda, emosi, sikap dan nilai para pelajar (Abdul Rahim, 1999). Selaras dengan aspirasi tersebut, kerajaan juga telah menyediakan peluang pembelajaran yang luas kepada pelajar. Begitu juga sekolah sentiasa berusaha mewujudkan iklim pembelajaran yang kondusif bagi memberi ruang kepada pelajar meneruskan pelajarannya sehingga ke peringkat seterusnya. Namun demikian, peluang pembelajaran yang disediakan telah disia-siakan oleh pelajar sehingga menjelaskan harapan negara untuk membentuk pelajar yang berminda kelas pertama. Sehubungan itu, pelajar perlu diberikan suntikan motivasi dan didedahkan dengan peluang pembelajaran yang luas untuk memupuk budaya

belajar dalam kalangan pelajar. Budaya belajar adalah kunci kejayaan dan kecemerlangan akademik pelajar.

1.2 Latar Belakang Kajian

Isu permasalahan disiplin pelajar di sekolah memberi kesan terhadap pemupukan budaya belajar pelajar. Perkara ini diakui oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bahawa faktor-faktor luar sekolah mempunyai kesan dan pertalian yang signifikan ke atas disiplin dan produktiviti pelajar di sekolah. Hal ini tentunya akan menjadi halangan dalam pemupukan budaya belajar pelajar semasa berada di sekolah. Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2002) masalah disiplin boleh berpunca daripada dua perkara. Pertama situasi keluarga, taraf sosio ekonomi, pergaduhan, persekitaran dan budaya dari mana pelajar itu dilahirkan; dan kedua faktor sekolah yang berpunca daripada kegagalan pengurusan, corak budaya sekolah yang kurang memberangsangkan dari segi perkembangan intelek, sosial, rohaniah dan kemahiran yang sewajarnya dalam kalangan pelajar dan guru.

Selain itu, KPM (2002) juga telah membuat beberapa perakuan untuk mengatasi masalah disiplin pelajar di antaranya, (a) kerjasama sekolah dengan ibu bapa, (b) semua pihak harus mengamalkan kepimpinan melalui teladan pada setiap masa sebagai role model kepada pelajar, (c) nilai positif di sekolah seharusnya juga diberi penekanan yang sama di rumah dan (d) keperluan memperbaiki hubungan sesama manusia perlu diberi tumpuan sewajarnya. Guru sebagai ahli masyarakat hendaklah mengambil peluang untuk menggalakkan masyarakat aktif dalam pendidikan kerana boleh memberi manfaat besar kepada sekolah (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Sehubungan itu, KPM (2002) juga memberi fokus untuk membangunkan perhubungan sesama manusia yang meliputi corak dan pola hubungan sekolah-komuniti.

Selanjutnya pelajar yang mengalami stres boleh memberikan halangan dalam pemupukan budaya belajar. Stres merupakan satu keadaan yang boleh merendahkan psikologi seseorang individu seperti mengurangkan semangat keyakinan diri dan menurunkan inovasi seseorang pelajar untuk terus maju ke

hadapan. Keadaan ini amat ketara sekali dalam kalangan pelajar yang bermasalah di sekolah. Perkara ini dibuktikan dalam kajian Akma dan Bhasah (2005) mengenai stres dalam kalangan pelajar bermasalah di sekolah menengah. Kajian ini cuba melihat stres dalam kalangan 130 orang pelajar yang bermasalah di beberapa buah sekolah dalam Daerah Kemaman, Terengganu. Kajian kes ini telah dapat menyingkap bahawa 22 peratus pelajar bermasalah mempunyai stres tinggi yang perlu diberikan perhatian rapi. Kajian ini juga mendapati pelajar yang tinggal bersama keluarga mengalami stres tinggi berbanding dengan pelajar yang tidak tinggal bersama keluarga. Hal ini menyebabkan, stres yang dialami oleh pelajar telah menjelaskan pemupukan budaya belajar dalam kalangan pelajar.

Sekitar tahun 2001 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan terbaik dan berkualiti demi membangunkan generasi masa depan Malaysia yang dinamik dan progresif (Perutusan Menteri Pelajaran, 2001). Di samping itu, KPM telah memberi penekanan kepada perkembangan kemahiran belajar dan kemahiran generik. Fenomena ini adalah untuk melahirkan golongan pelajar yang sentiasa ingin belajar dan berkebolehan mengikuti pelajaran di sekolah dan di rumah (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Namun demikian, berlaku perubahan paradigma yang melibatkan perubahan sikap pelajar dalam memupuk budaya belajar sehingga menjelaskan usaha KPM dalam pembudayaan pendidikan ke arah peningkatan budaya belajar dalam kalangan pelajar. Keadaan ini dipaparkan dalam kajian Nardi dan Steward (2003), mendapati apabila seseorang pelajar memasuki persekolahan ke peringkat tinggi, mereka menjadi lebih tidak berminat dengan proses pendidikan. Faktor penyebabnya ialah pelajar tidak suka sekolah, kurang minat dalam pembelajaran di kelas, kebolehan yang terhad, bosan dengan sekolah dan kerja sekolah, tidak suka dengan pengajaran guru, benci peraturan sekolah, aspirasi yang rendah terhadap pendidikan, nilai diri yang rendah dan pencapaian akademik yang rendah. Sesungguhnya keadaan akan menjadi semakin kritikal apabila perkara ini dibiarkan menular dalam sistem pendidikan negara. Oleh itu usaha perlu dilaksanakan untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar khasnya pelajar bumiputera di luar bandar dan bandar lebih rendah pada setiap peringkat pendidikan. Selain itu masalah kadar keciciran yang tinggi di kawasan

luar bandar seharusnya membuka minda dalam pemupukan budaya belajar pelajar.

Sehubungan itu permasalahan keciciran pelajar dalam pembelajarannya perlu ditangani dengan mengambil beberapa langkah proaktif. Sistem pendidikan kini seharusnya menggalakkan hubungan dan menyediakan perkongsian pendidikan di antara sekolah, keluarga dan komuniti supaya budaya belajar di sekolah dan di rumah dapat dipupuk secara berterusan. Kajian berhubung dengan masalah ini telah dijalankan oleh Epstein (1986) dengan melibatkan sebanyak 161 buah universiti, kolej dan jabatan-jabatan pendidikan di Amerika. Dapatan kajian mendapati wujudnya jurang yang besar antara kepercayaan pemimpin terhadap kepentingan perkongsian yang berkesan antara guru-guru untuk bekerjasama dengan keluarga pelajar dan juga komuniti dalam pendidikan anak-anak di rumah dan di sekolah. Kebanyakan universiti, kolej dan jabatan pendidikan melaporkan bahawa mereka menawarkan sekurang-kurangnya satu kursus dan tajuk yang merangkumi perkongsian pendidikan. Bagaimanapun, perkongsian tersebut tidak mencukupi untuk menyediakan guru, kaunselor dan pentadbir untuk melaksanakan perkongsian secara berkesan. Program sekolah yang melibatkan keluarga dan komuniti juga tidak dapat dipenuhi kerana kebanyakannya hanya berfokus kepada pendidikan awal persekolahan dan pendidikan khas anak-anak.

Selain itu, konsep pembelajaran yang berorientasikan peperiksaan telah menjelaskan usaha pemupukan budaya belajar secara berterusan. Walaupun dasar sekolah yang berorientasikan peperiksaan memberi peluang pembelajaran kepada pelajar tetapi sebenarnya telah menjelaskan budaya belajar secara berterusan dalam kalangan pelajar. Keutamaan tinggi yang diberikan oleh sekolah kepada peperiksaan berbanding aspek lain dalam pendidikan menyebabkan guru berusaha untuk menghabiskan sukanan pelajaran dan kurang menggalakkan pelajar berbincang dalam kelas (KPM, 2002) dan menguasai kemahiran asas pembelajaran sehingga menyebabkan pelajar berasa bosan dan hilang minat untuk belajar (BPPDP, 1994). Keadaan ini menyebabkan pelajar hanya belajar untuk lulus dalam peperiksaan sahaja dan tidak menjadikan pembelajaran itu sebagai satu budaya. Hal ini menyebabkan pemupukan budaya belajar tidak dapat dibentuk dalam diri

pelajar. Pelajar juga hanya melakukan proses pembelajaran untuk lulus dalam peperiksaan sahaja. Hasil kajian yang dijalankan ini diharap dapat menyumbang kepada pembangunan pendidikan di negara ini pada masa depan dan memupuk budaya belajar dalam kalangan pelajar. Budaya belajar seharusnya menjadi amalan demi meningkatkan pembangunan intelektual pelajar dan masyarakat.

Budaya belajar yang kurang menggalakkan dalam kalangan pelajar berpunca daripada motivasi pembelajaran pelajar yang melibatkan diri pelajar,rakan, ibu bapa dan guru (BPPDP, 2001). Fenomena ini mempunyai kaitan dengan masalah pembelajaran pelajar termasuklah kefahaman yang lemah, mudah lupa, tidak menumpu perhatian semasa pengajaran dan pembelajaran, tidak mengambil bahagian dalam proses pengajaran dan pembelajaran, tidak membuat kerja sekolah langsung atau tidak membuat kerja sekolah dengan sempurna, lewat menghantar atau tidak menghantar langsung tugas, malas mengulangkaji pelajaran dan tidak membawa buku ke sekolah (BPPDP, 2001). Oleh demikian faktor-faktor ini menyebabkan pelajar lemah dalam pelajaran, malu untuk bertanya dalam kelas sehingga memberi kesan terhadap pemupukan budaya belajar. Pembelajaran pelajar dalam bilik darjah juga telah menyebabkan pelajar merasa bosan kerana tidak faham semasa pengajaran dan pembelajaran, rendah diri, tidak ada keyakinan untuk berjaya, ponteng kelas dan kerap dimarahi guru turut memberi kesan terhadap pembentukan budaya belajar pelajar.

Halangan pemupukan budaya belajar juga berlaku apabila pelajar bersifat pasif dalam pembelajaran dan tidak bermotivasi dalam pembelajaran di sekolah dan di rumah. Keadaan ini ditunjukkan dalam kajian tindakan oleh Tor (2004) bertitik-tolak daripada masalah pembelajaran Sejarah sekumpulan pelajar dalam satu kelas. Punca masalah pembelajaran Sejarah dalam kalangan pelajar tersebut ialah mereka pasif dalam proses pembelajaran Sejarah dan tidak mengalami proses penaakulan dan *deep learning*. Sehubungan itu, hasil daripada inkuiри secara *deliberate* oleh penyelidik terhadap literatur teori pembelajaran umum ialah teori pembelajaran Sejarah dan program intervensi. Program Intervensi dijalankan dalam tiga lingkaran kerana usaha penambahbaikan dibuat berdasarkan maklum balas daripada pelajar semasa pelaksanaan intervensi. Dapatan kajian ini

menunjukkan bahawa pembelajaran koperatif sememangnya berkesan untuk mengatasi masalah pembelajaran Sejarah daripada segi mengingat fakta yang berpunca daripada kepasifan dan pembelajaran penaakulan yang tidak mendalam dalam kalangan subjek kajian. Oleh sebab itu pelajar bersifat pasif dalam pembelajaran mempunyai kaitan dengan kurang motivasi dalam diri pelajar untuk terus belajar sehingga budaya belajar tidak dapat dipupuk dalam sanubari pelajar.

Berdasarkan konteks masyarakat pula khasnya ibu bapa perlu menanamkan motivasi pembelajaran dalam kalangan pelajar terutamanya menyemai budaya belajar di rumah. Ibu bapa bertindak sebagai pemangkin dan penyubur kepada budaya belajar dan keberkesanan pembelajaran pelajar di rumah sebagai meneruskan tradisi belajar di sekolah. Konteks pembelajaran pelajar di rumah, didapati pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran di rumah akan memberi kesan dalam pembentukan budaya belajar di rumah. Hal ini berlaku kerana terdapat sesetengah keluarga yang tidak berupaya menyediakan persekitaran rumah tangga yang merangsang, menyenangkan dan menyokong pembelajaran anak di rumah (Swap, 1993). Keadaan ini menjadi halangan kepada anak untuk memupuk budaya belajar mereka di rumah. Oleh itu pihak sekolah mungkin boleh menyediakan latihan kepada ibu bapa, pelajar atau kedua-duanya sekali untuk meningkatkan hubungan positif antara pelajar-ibu bapa di rumah. Strategi yang boleh dilaksanakan ialah lawatan ke rumah untuk mendekati dan memahami keluarga pelajar, memberi maklumat perkembangan pelajar kepada ibu bapa, menerbitkan *news letter* sekolah, mengadakan bengkel atau latihan kemahiran keibubapaan, ceramah tentang perkembangan remaja, cara mendisiplinkan anak, amalan pemakanan yang sihat dan lain-lain cara. Hal ini dilakukan agar ibu bapa dapat menyokong pembelajaran anak seterusnya dapat memupuk budaya belajar anak mereka di rumah.

Guru juga seharusnya menekankan kepada motivasi pembelajaran melalui pemupukan budaya belajar menerusi keberkesanan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Guru merupakan input pengajaran yang amat penting untuk memberi motivasi belajar kepada pelajar. Peranan guru amat penting dalam menangani masalah budaya belajar pelajar yang lemah. Guru

memainkan peranan penting dalam merealisasikan matlamat dan misi pembangunan pendidikan Negara yang bertaraf dunia dan menjadi pusat kecemerlangan pendidikan (Mok, 2003). Guru perlu fokus kepada pedagogi iaitu kemahiran untuk menghasilkan pengajaran berkesan dengan cara terbaik pada masa kini (Pullias dan Young, 1982). Pengajaran guru juga perlu memahami budaya belajar dengan meneroka isu-isu keadilan dan moral (Good dan Brophy, 2003). Oleh itu, pengajaran berkesan merupakan faktor kuat dalam memberikan motivasi pembelajaran kepada pelajar dalam pemupukan budaya belajar.

Selain itu masalah tidak boleh membaca dalam kalangan pelajar sekolah adalah masalah yang serius yang memerlukan suntikan motivasi pembelajaran daripada guru. Oleh yang demikian, guru perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk mengatasi masalah ini. Kajian Zabedah dan Lee (2005) menunjukkan pencapaian kemahiran membaca pelajar pemulihan sekolah rendah adalah kesan motivasi pembelajaran yang diberikan oleh guru. Kajian ini menjadikan kaedah fonetik sebagai asas mengajar kemahiran membaca kepada pelajar pemulihan dengan sampel kajian terdiri daripada lima orang pelajar pemulihan. Hasil kajian menunjukkan bahawa intervensi berkesan meningkatkan pencapaian kemahiran membaca dan kelancaran membaca pelajar pemulihan. Oleh yang demikian pelajar diberi intervensi selama tiga bulan. Pencapaian membaca perkataan diukur dengan menggunakan buku cerita dua suku kata yang dikarang khas untuk menguji pemindahan kemahiran membaca yang telah diajar semasa intervensi. Pencapaian kemahiran membaca diukur berdasarkan jumlah bilangan perkataan yang dibaca dengan betul dan kelancaran membaca diukur daripada masa yang diambil untuk membaca buku cerita tersebut. Intervensi telah berjaya menjadikan pelajar pemulihan sebagai pembaca yang berdikari dalam pemupukan budaya belajar dalam kalangan pelajar. Oleh itu pendekatan ini perlu diaplikasi di sekolah bagi memupuk budaya budaya dalam kalangan pelajar.

Peluang pembelajaran yang disediakan oleh persekitaran sekolah, sokongan komuniti dan KPM mempunyai hubungan rapat dengan budaya belajar pelajar. Peluang pembelajaran pelajar ke peringkat tinggi untuk membolehkan mereka terus belajar adalah terbuka dengan luas. Jumlah pelajar untuk